

BAB I

BAB I

PENDAHULUAN

A. Latar Belakang Masalah

Bermula daripada manusia menghendaki kemajuan di dalam kehidupan, maka timbulah gerakan untuk melakukan perubahan, pembaharuan dan perkembangan budaya melalui pendidikan. Lantaran itu sejarah pertumbuhan pendidikan sentiasa menjadi perhatian utama dalam rangka memajukan kehidupan generasi ke generasi sejajar dengan tuntutan masyarakat.

Pembangunan nasional dalam bidang pendidikan merupakan usaha memajukan kehidupan dan meningkatkan kualiti manusia. Begitu juga pendidikan nasional di negara kita Malaysia yang bertujuan untuk memantapkan kehidupan bangsa dan meninggikan kualiti masyarakat dalam mewujudkan masyarakat yang maju, adil, berwawasan dan makmur serta memungkinkan warganya mengembangkan idea, baik di sudut jasmani ataupun rohani.

Pendidikan nasiolal berupaya melahirkan masyarakat yang utuh. Ianya termaktub di dalam ordinal pendidikan 1957, dan diulang di dalam kata pengantar akta pendidikan 1961 yang menyebut:

"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang harmoni dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkemampuan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara."¹

Untuk melahirkan insan yang berilmu dan bertakwa kepada Allah Yang Maha Esa, serta luhur budi pekerti haruslah diselenggarakan melalui sistem pendidikan Islam. Namun begitu, peranan tokoh tidak boleh dinafikan sama sekali dalam mewujudkan fenomena tersebut kerana ianya merupakan *wasilah* yang utama. Antara yang memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan pendidikan Islam ialah Dato' Haji Muhammad bin Nasir.

Negeri Kelantan

Negeri Kelantan adalah sebuah negeri dalam Semenanjung Malaysia yang terletak di Pantai Timur, utara Semenanjung Malaysia, bersempadankan di utaranya ialah Laut China Selatan, di timur ialah rangkaian Laut China Selatan dan negeri Terengganu dan di selatan negeri Pahang, manakala di sebelah barat pula

¹ Ee Ah Meng, *Pendidikan di Malaysia 1. Falsafah Pendidikan Guru dan Sekolah*, cet. II, Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd., Shah Alam, Selangor, 1997, hal. 98.

bersempadan dengan negeri Perak dan di utara wilayah Narathiwat di selatan Thailand.²

Negeri Kelantan mempunyai kawasan seluas 14,929 kilometer persegi dengan Kota Bharu sebagai ibu negeri yang terletak kira-kira 10 kilometer dari kuala Sungai Kelantan. Kelantan mempunyai sepuluh jajahan pentadbiran iaitu jajahan Kota Bharu dengan keluasan 409 kilometer persegi, Bachok dengan keluasan 264 kilometer persegi, Pasir Puteh dengan keluasan 433 kilometer persegi, Machang dengan keluasan 544 kilometer persegi, Tumpat dengan keluasan 168 kilometer persegi, Pasir Mas dengan keluasan 578 kilometer persegi, Tanah Merah dengan keluasan 868 kilometer persegi, Jeli dengan keluasan 1329 kilometer persegi, Kuala Krai dengan keluasan 2225 kilometer persegi dan Ulu Kelantan (sekarang Gua Musang) dengan keluasan 8104 kilometer persegi.³

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia 1999, anggaran penduduk negeri Kelantan pada pertengahan tahun 1999 berjumlah 1,522,200 orang. Warganegara Malaysia berjumlah 1,453,700 orang, iaitu 95.5 %, manakala bukan warganegara Malaysia berjumlah 68,500, iaitu 4.5 %. Majoriti penduduknya adalah Melayu, seramai 1,358,600 orang, iaitu 89.3 %, Cina seramai 64,000 orang, iaitu 4.2 %, India

² Mohd. Zain Salleh, *Fokus Negeri Kelantan*, "Negeri Kelantan Selayang Pandang", Pejabat Setiausaha Kerajaan, Kota Bharu, Kelantan, April 1985, hal. 152.

³ Mohd. Zain Salleh, *Keluarga Di Raja Kelantan Darul Naim*, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Istana Jahar, Kota Bharu, 1987, hal. 159.

seramai 6,500 orang, iaitu 0.4 % dan lain-lain kaum seramai 13,800 orang, iaitu 0.9 %.⁴

Kelantan merupakan salah sebuah negeri yang terbesar menghasilkan padi di Malaysia. Kebanyakan penduduk di negeri Kelantan bergiat dalam bidang pertanian, perniagaan dan bekerja dengan kerajaan. Penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman atau kampung lebih tertumpu pada kegiatan pertanian seperti menanam padi serta bertanam getah, manakala mereka yang tinggal di kawasan bandar melibatkan diri dengan kegiatan perdagangan atau perniagaan seperti bermiaga di pasar-pasar, di kedai-kedai dan bekerja sebagai penjaja. Sebahagian daripada penduduk di kawasan bandar juga bekerja di jabatan-jabatan kerajaan.⁵

Bumi Kelantan telah didiami oleh manusia kira-kira 2000 atau 3000 tahun sebelum Masihi. Hakikat kenyataan ini adalah berdasarkan penyiasatan yang dibuat oleh rombongan yang diketuai oleh Dr. G.de.G Siebeking dalam tahun 1953 di kawasan Gua Cha, Daerah Ninggiri Jajahan Hulu Kelantan.⁶

Kelantan adalah antara negeri tertua di Semenanjung Tanah Melayu. Sejak 10,000 tahun yang silam, sekurang-kurangnya bumi negeri Kelantan telahpun didatangi dan dihuni oleh manusia. Hakikat ini telah dibuktikan oleh penemuan

⁴ Bank Data Negeri / Daerah Malaysia 1999, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, Disember 1999, hal. 56.

⁵ Robert Winzeler, *Ethnic Relations in Kelantan : A Study of Chinese and Thai As Ethnic Minorities in Malay State*, Oxford University Press, Singapore, 1985, hal. 10-11

⁶ Muhammad Hussein Khalie bin Haji Awang, *Kelantan Dari Zaman Ke Zaman*, Pustaka Dian, Kota Bharu, Kelantan, 1969, hal. 6.

bahan-bahan peninggalan zaman prasejarah atau artifak-artifak di beberapa tempat di dalam negeri Kelantan, terutama sekali di kawasan Hulu Kelantan.⁷

Dalam tahun 1939, beberapa artifak telah dijumpai di daerah Gua Madu, Gua Menteri dan Gua Musang di Hulu Kelantan. Artifak-artifak itu terdiri dari bahan-bahan yang diperbuat dari batu seperti mata kapak, mata beliung, penumbuk untuk menumbuk kulit kayu dan batu giling. Di samping itu telah dijumpai juga pasu dan mangkuk, sisa makanan, tulang-tulang rangka manusia dan alat yang diperbuat dari tulang.⁸ Bahan-bahan tersebut adalah peninggalan Kebudayaan ‘Mesolitik’⁹ dan Kebudayaan ‘Neolitik’.¹⁰

Setelah digali, maka didapati ada rangka-rangka tengkorak dan tulang-tulang manusia serta lain-lain alat yang berupa senjata. Ahli-ahli penyiasat yang telah menganalisis rangka-rangka tengkorak, tulang dan lain-lain alat yang didapati itu telah berumur antara 2000 atau 3000 tahun sebelum Masihi.¹¹

⁷ Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, ‘Sistem Politik dan Kesultanan Kelantan’ dalam *Kelantan Zaman Awal : Kajian Arkeologi dan Sejarah Di Malaysia*, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Istana Jahar, Kota Bharu, Kelantan, 1987, hal. 15.

⁸ *Ibid.*, hal. 15.

⁹ Mesolitik dikenali sebagai kebudayaan Bacson-Hoabinh menurut nama daerah-daerah di mana banyak dijumpai hasil-hasil pertukangan kebudayaan ini iaitu daerah Bacson dan Hoabinh di Tong King, Vietnam Utara sekarang. Zaman ini berlangsung dari kira-kira tahun 8000 hingga tahun 2000 sebelum Masihi.

¹⁰ Kebudayaan Neolitik berlangsung daripada kira-kira tahun 2000 hingga tahun 300 sebelum Masihi.

¹¹ Khali'e, *loc. cit.*

Kelantan dalam pelbagai nama pernah disebut dalam hasil-hasil tulisan tua Arab dan China, pengarang Researches on Ptolemy's Geography of Eastern Asia yang pernah membuat kupasan mengenai buku Ptolemy, Geography of Eastern Asia, telah membuat kesimpulan bahawa Koli, yang disebut oleh Ptolemy sebagai sebuah pekan di pantai timur Tanah Melayu ialah Kelantan (disebut Kalantan). Adalah dipercayai nama Koli itu telah diperkenalkan oleh orang-orang India Utara berdasarkan kepada nama bandar Koli (dari pokok koli), yang merupakan tempat lahir Maya, ibu kepada Buddha. Nama Kelantan, menurut Gerini, adalah gabungan perkataan Koli, yang disebut "kolom" atau "kolam" mengikut loghat Kelantan, dengan perkataan "thana" atau "tanah" dan perkataan "auta" atau "autam" bermaksud "sempadan". Gabungan ini kemudian menjadi "Kolamtanah" yang akhirnya menjadi "Kelantan".¹²

Dari unsur sejarah Dinasti Tang (618 – 907 M) dan di dalam ensiklopedia Ma Tuan-Lin, ada disebut mengenai "Ko-lo" atau "Ko-lo-Fu-sha-lo". "Ko-lo" dikatakan oleh Ma Tuan-Lin sebagai tempat yang amat lama dan pernah disebut-sebut dalam masa Dinasti Han lagi, iaitu dalam tahun 206 (sebelum Masihi) hingga 221 (selepas Masihi). Ada juga disebut dalam penulisan Ma Tuan-Lin dan lain-lain penulisan China tentang sebuah pelabuhan bernama "KU-lo", yang kerap dilawati oleh para pedagang China dalam Dinasti Sung (960 – 1127 M). Tempat ini terletak di Tanah Melayu dan ada pendapat yang mengatakan "Ku-lo" ialah Kelantan. Dari penulisan China juga terdapat nama-nama seperti "HO-lan-tan" atau "Kou-lo-tan". Ini disebut

¹² Zakiah Hanum, *Asal-usul Negeri-negeri Di Malaysia*, Times Books International, Singapura, 1953, hal. 22-23.

dalam kurun ke-7 dan dikatakan terletak di selatan Siam dan dikelilingi oleh laut di bahagian utara.¹³

Cerita-cerita lisān pula menyatakan nama “Kelantan” berasal dari *gelam hutan* atau *Melaleuca Leucadendron* sejenis pokok dalam gelam (swamp tree) yang berada di sekitar pantai ketika itu.¹⁴

Kelantan juga boleh dianggap sebagai sebuah negeri yang unik di Semenanjung Malaysia berbanding dengan negeri-negeri Melayu yang lain. Ramai tokoh yang terkenal seperti dalam bidang politik, kesusastraan, seni dan yang paling utama ialah agama adalah berasal dari Kelantan. Kelantan juga mempunyai sejarahnya yang tersendiri dan “*temperament*” (perangai). Ini telah diakui oleh seorang pemimpin British iaitu Sir Frank Swettenham,

*“The people of this place have certain peculiar customs, of which may mentioned that they are Muhammadans, the women move about as freely as the men”*¹⁵

¹³ *Ibid*, hal. 23.

¹⁴ Alias Muhammad, *Kelantan, Politik dan Dilema Pembangunan*, Penerbitan Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1975, hal. 1.

¹⁵ *Ibid*, hal. 22.

Islam Di Negeri Kelantan

Adalah sukar untuk menyatakan secara jelas dan tepat tentang sejarah awal kedatangan Islam di Kelantan. Perkara ini disebabkan oleh kekurangan sumber atau bahan rujukan yang konkrit. Batu nisan dan batu bersurat juga tidak ditemui di sini untuk dijadikan bukti mengenai sejarah kemasukan Islam. Lebih merumitkan lagi, sejarah awal Kelantan tidak diketahui. W.A.Graham pernah berkata:

"The early history of Kelantan is lost in obscurity, owing to the fact no records have ever been kept. This is possibly due to the fact, that everybody was too busy, engaged in local wars, to have time for any records; on the other hand, if records had been in existence, those have probably been lost or destroyed by the victorious parties for reason obvious".¹⁶

Ertinya:

Sejarah awal Kelantan hilang dalam kesamaran dan kegelapan lantaran tidak ada rekod-rekod yang tersimpan. Ini barangkali orang begitu sibuk; terlibat dalam perperangan tempatan. Sebaliknya jika ada rekod pun, ia mungkin telah hilang atau dimusnahkan oleh parti yang menang atas sebab-sebab yang jelas.

Walaupun sukar untuk mendapatkan tarikh kemasukan Islam ke negeri Kelantan, namun dengan berpandukan kepada beberapa catatan penting dalam buku-

¹⁶ Abdullah Alwi Haji Hassan, "Kelantan: Islamic Legal History Before 1909" dalam *Malaysia In History*, Vol. XXIII, t.p., 1981, hal. 10.

buku sejarah yang berkaitan dengannya, sama ada hasil penulisan tokoh-tokoh sejarah tempatan atau asing, maka kita akan memperolehi fakta-fakta yang dapat dijadikan sandaran atas sejarahnya.

3.2

Di negeri Kelantan pada pertengahan abad ke-12 M, seorang syeikh dari Pattani telah datang ke Sri Wijaya Kelantan (ibu kotanya terdapat di Kuala Krai sekarang) untuk mengembangkan agama Islam.¹⁷

Ada pendapat yang merumuskan perkembangan dakwah Islam di Kelantan bermula jauh lebih awal lagi. Malah sejak pertengahan kedua abad ke-11 M, kerajaan Islam Kelantan telah didirikan dan mungkin merupakan kerajaan Islam yang terawal di Semenanjung Tanah Melayu. Pendapat ini disokong oleh Sejarah Dinasti Sung (960-1279 M), yang mengatakan Islam telah lahir di sepanjang pantai Laut China Selatan dalam tahun 977 M.¹⁸

Kemasukan Islam ke negeri Kelantan dipercayai secara langsung dari negeri Arab, kerana masyarakat Islam Kelantan dari dahulu lagi bermazhab Shaf'i, bacaan al-Qur'an adalah mengikut lafaz Arab dan bunyi sebutannya tidak ada bezanya dengan sebutan lidah Arab.

Sejawan tempatan meletakkan tarikh kedatangan Islam ke Kelantan sebelum 1181 M (557 H) lagi. Ini berdasarkan wang dinar (wang emas) perbelanjaan

¹⁷ Alias Mohamed, *op. cit.*, hal. 2.

¹⁸ Mohamad Kamil Haji Abdul Majid, *Tokoh-tokoh Pemikir Islam*, Jld. I, Budaya Ilmu Sdn. Bhd., Selangor, 1993, hal. 275.

negeri Kelantan telah dijumpai tertanam di kawasan Kota Kubang Labu (bekas ibu kota Kelantan) yang terletak di tebing barat Sungai Kelantan, berhadapan dengan bandar Kota Bharu sekarang di sekitar tahun 1912 M.¹⁹

3.

Pada wang dinar tersebut terdapat nama Kelantan dengan sebutan “al-Julus Kelantan” dan di sebelahnya tertulis “al-Mutawakkil ‘ala Allah” yang bererti (berserah kepada Allah) dan di atas tulisan itu terdapat pula tulisan berbentuk “OOV”. Tulisan tersebut adalah angka-angka Arab yang dimaksudkan dengan tahun 557 H (1181 M). Wang dinar ini adalah membuktikan dengan jelasnya tentang kedatangan agama Islam yang lebih awal ke sini dan menerangkan betapa lamanya pengaruh agama itu berkembang di sini sehingga ia dapat mempengaruhi suatu kerajaan yang menggunakan wang dinar tersebut sebagai suatu mata wang yang rasmi.²⁰

Dalam tahun 1297 M (697 H) seorang pengembara Arab bernama Ibn Batutah yang belayar dari India ke Tiongkok menyebut “Kilu Kerai” (sekarang Kuala Krai) sebagai sebuah negeri yang disinggahinya. Menurut Ibnu Batutah lagi, beliau pernah menemui seorang raja perempuan yang telah memeluk agama Islam bernama “Urduja”.²¹

¹⁹ Nik Mohamed, “Perkembangan Pendidikan atau Pengajian Islam Di Negeri Kelantan” dalam *Warisan Kelantan IV*, cet. I, United Selangor Press Sdn. Bhd., 1985, hal. 96.

²⁰ Sa'ad Shukri bin Haji Muda, *Detik-detik Sejarah Kelantan*, cet. I, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, Kelantan, 1971, hal. 28.

²¹ Alias Muhammad, *op. cit.*, hal. 3.

Oleh itu, sekiranya kita mengikuti catatan Ibn Batutah itu, maka dapatlah dikatakan bahawa Islam telahpun bertapak di Kelantan sejak abad ke-12 M lagi.

Kelantan pernah mengadakan hubungan dengan Tiongkok ketika pemerintahan Maharaja Engku Umar pada tahun 1411 M. Baginda telah menghantar utusan ke Tiongkok. Berikutnya dengan itu, pada tahun 1412 M baginda telah menerima surat kepujian beserta dengan kain sutera daripada Maharaja China sebagai balasan.²²

Mengikut bukti-bukti sejarah yang lain, boleh dipercayai juga bahawa agama Islam mungkin dibawa ke Kelantan dari negeri Melayu Champa di Indochina (sekarang terkenal dengan nama Vietnam). Walaupun sejarah kedatangan agama Islam di negeri Champa tidak diketahui dengan jelas dan lengkap, namun ada bukti yang menunjukkan bahawa agama Islam telah bertapak di sana dalam abad ke sebelas Masihi.²³

Dua buah batu bersurat telah ditemui di Phan Rang (dahulu bernama Panduringga). Salah satu daripada batu bersurat itu adalah batu nisan yang tertulis dalam bahasa Arab dalam bentuk tulisan atau *Khat Kufi* dan bertarikh tahun 1039 M. Batu bersurat yang satu lagi itu asalnya mungkin sebuah batu tiang bertulis di atasnya dalam bahasa Arab juga memperkatakan tentang penyelesaian hutang piutang, pembayaran cukai-cukai dan lain-lain. Batu itu bertarikh tahun 1025 M atau

²² Sa'ad Shukri, *op. cit.*, hal. 31.

²³ Nik Mohamed, *op. cit.*, hal. 97.

1035 M. Adapun Phan Rang ialah sebuah kota atau bandar penting di negara Champa. Bahkan ia pernah menjadi ibu kota Champa di antara tahun 802 hingga 854 H dan di antara tahun 1477 hingga tahun 1720 M.²⁴

:

Sejarah Melayu telah mencatatkan satu kenyataan mengenai agama Islam di Kelantan. Kelantan telah diserang dan ditakluki oleh kerajaan Melaka pada zaman Sultan Mahmud Syah (1488-1528 M). Catatan itu menyebut:

“Arakian, maka Sultan Mahmud Syah menitahkan Seri Maharaja menyerang Kelantan. Pada zaman itu Kelantan negeri besar lebih daripada Pattani, Sultan Mansur Syah nama rajanya, anak sepupu kepada Sultan Iskandar Syah, tiada baginda menyembah ke Melaka, anaknya daripada cucu Raja Culan. Maka Seri Maharaja pun pergilah..... Lalu berperang beramuk-amukan..... maka kota Kelantan pun alah”.²⁵

Sekiranya kenyataan itu dapat diterima, kita dapat mengambil kesimpulan bahawa agama Islam telah wujud di Kelantan. Nama Sultan Iskandar Syah di awal nama baginda telah membuktikan bahawa Kelantan sudahpun menerima Islam.

²⁴ G. Coedes, *The Indianized States of South East Asia*, Kuala Lumpur, 1968, hal. 103-104.

²⁵ W.G. Shallabear, *Sejarah Melayu*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967, hal. 197.

Pendapat yang lain pula mengatakan bahawa masyarakat Kelantan telah mengenali Islam hampir 300 tahun atau 400 tahun dahulu (abad ke-15 atau ke-16 M) dengan berdasarkan kepada pembinaan Masjid Kampung Laut (masjid tertua di Malaysia) yang dibina pada abad ini.²⁶

Negeri Kelantan juga terkenal dengan gelaran negeri Serambi Mekah yang membayangkan Islam amat kuat dihayati oleh rakyat dan pemerintah di negeri ini. Kelantan telah beberapa kali menjalankan hukuman mengikut al-Qur'an seperti di zaman pemerintahan Sultan Ahmad (1886-1889 M) dan Sultan Mansur (1890-1900 M). Begitu juga Sultan Muhammad II (1837-1886 M) merupakan Sultan Kelantan yang melakukan pemerintahan lebih teratur dan mengikut undang-undang Islam di mana beliau melantik mufti sebagai ketua hakim.²⁷

Pedagang-pedagang negeri Arab, Farsi dan Gujerat sebagai contoh ulama' seperti Tok Khurasan dari Khurasan, begitu juga raja-raja atau pihak istana memainkan peranan dalam memantapkan keislaman di Tanah Melayu khususnya di negeri Kelantan.²⁸

²⁶ Nik Zaitun Nik Salleh, *Sejarah Ringkas Kampung Laut*, Monografi Sejarah, No. 1, Persatuan Sejarah Universiti Malaya, 1984/85, hal. 99.

²⁷ Khalie', *op. cit.*, hal. 70.

²⁸ S. Q. Fatimi, *Islam Comes To Malaysia*, Malay Siam Sosiological Research Institut LTD. Singapore, 1963, hal. 71.

Dengan merujuk kepada kenyataan dan beberapa fakta sejarah di atas, penulis berpendapat bahawa sejarah kedatangan Islam ke Kelantan merupakan sesuatu yang benar-benar berlaku dan tidak dapat dinafikan kebenarannya. Kelantan merupakan negeri yang pertama menerima Islam di Malaysia, ini adalah kerana negeri-negeri lain seperti negeri Terengganu menerima Islam pada tahun 1303 M, Melaka tahun 1414 M, Johor pada tahun 1488 M dan negeri Kedah pula ialah pada tahun 1501 M.²⁹

B. Alasan Memilih Tajuk

Penulis tertarik untuk meneliti dan mengkaji dengan memilih tajuk tersebut di atas adalah kerana:

1. Masalah dalam tajuk di atas belum pernah diteliti dan dikaji oleh orang lain sebelum penulis.
2. Masalah dalam tajuk di atas bersesuaian dengan bidang yang penulis pelajari iaitu Sejarah dan Tamadun Islam.
3. Pokok kajian dalam tajuk di atas dapat dilaksanakan oleh penulis untuk mengkajinya.

²⁹ Nor Razi, *Kedatangan Agama Islam Ke Alam Melayu*, Utusan Kiblat, Bil. 146, Utusan Melayu (M) Berhad, Kuala Lumpur, Oktober 1982, hal. 48.

C. Pengertian Tajuk

Kajian ini berhubung dengan sumbangan seorang tokoh, iaitu Dato' Haji Muhammad bin Nasir di dalam pendidikan Islam. Kata "sumbangan" adalah kata terbitan berasal dari kata "sumbang" mendapat akhiran "an". Di dalam Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan, kata "sumbang" bererti: memberi solok, turut membantu atau turut menyokong. Sumbangan ertinya pemberian, penyolok, bantuan, pertolongan yang diberikan dan sokongan.³⁰

Manakala kata "pendidikan" pula adalah kata terbitan berasal dari kata "didik" mendapat awalan "pen" dan akhiran "an". Di dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga, kata "didik" bererti: pelihara, jaga dengan hati-hati dan ajar. Pendidikan ertinya perihal mendidik.³¹

Islam adalah berasal dari perkataan Arab yang memberi makna penyerahan diri, ketaaan dan kepatuhan. Sebagai agama, Islam merupakan penyerahan diri secara total kepada Allah s.w.t. Ajaran Islam memerintah umatnya taat kepada perintah Allah dan menjauhi laranganNya.³²

³⁰ Haji Zainal Abidin Safarwan, *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, Terbitan Pertama, 1995, hal. 1813.

³¹ Hajah Noresh binti Baharom, *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, cet. 2, 1996, hal. 303.

³² Abū al-'Alā' al-Maudūdī, *Towards Understanding Islam*, Terj. Elwin Siregar, *Dasar Akidah Islam*, Media Dakwah, Jakarta, tt., hal. 18.

Menurut Hassan Ayyub, Islam dari sudut syarak ialah kepatuhan, ketundukan diri dan ketenangan hati serta penerimaan setiap ajaran agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.³³

Pengertian Islam secara umum dan menyeluruh seperti yang digariskan oleh Islam sendiri iaitu penyerahan diri kepada Allah. Oleh itu Islam ialah melahirkan iman dan menyatakan secara praktikal dengan ikrar *Shahadah*, mengerjakan ibadat dan melaksanakan hukum-hukum syarak dalam semua aspek kehidupan.³⁴

Berdasarkan pengertian di atas, maka jelaslah bahawa kajian ini adalah berhubung dengan sumbangan tokoh tersebut kepada pendidikan Islam. Huraian lanjut berhubung dengan pengertian pendidikan Islam akan disentuh oleh penulis di dalam bab yang kedua.

³³ Hassan Ayyub, *Tabsūt al-‘Aqā’id al-Islāmiyyah*, Dar al-Qur'an al-Karim, Kuwait, 1980, hal. 41.

³⁴ Ahmad bin Haji Mohd Salleh, *Kursus Pendidikan Islam*, Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. Kota Bharu, Kelantan, cet. I, 1984, hal. 3.

D. Perumusan Masalah

Dalam mengkaji peranan yang dimainkan oleh Dato' Haji Muhammad bin Nasir dalam mengembangkan pendidikan Islam, tumpuan yang diberikan adalah sumbangan beliau di negeri Kelantan memandangkan kepada jasa-jasanya yang terdapat di negeri ini, penulis dapat merumuskannya kepada beberapa permasalahan, di antaranya:

1. Apakah sumbangan yang telah diberikan oleh Dato' Haji Muhammad bin Nasir kepada pendidikan Islam berbentuk formal?
2. Apakah pula sumbangan yang telah diberikan oleh beliau kepada pendidikan Islam berbentuk informal?
3. Sejauh manakah sumbangan beliau dalam pendidikan Islam dapat mempengaruhi kehidupan masyarakat setempat ?
4. Bagaimakah cara yang digunakan oleh beliau dalam mengembangkan pendidikan Islam?
5. Apakah isi-isi pengajaran beliau di dalam pendidikan Islam ?

E. Tujuan dan Kepentingan Penyelidikan

1. Tujuan Penyelidikan

Tujuan-tujuan yang ditentukan dalam penyelidikan ini adalah seperti berikut :

1. Untuk mengetahui sejarah hidup Dato' Haji Muhammad bin Nasir.
2. Untuk mengetahui sumbangan yang diberikan oleh beliau kepada pendidikan Islam.
3. Untuk mengetahui sejarah perkembangan pusat-pusat pendidikan Islam.

2. Kepentingan Penyelidikan

Hasil penyelidikan ini diharap penting untuk :

1. Sebagai bahan informasi kepada masyarakat yang cintakan ilmu pengetahuan.
2. Sebagai bahan informasi kepada Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya tentang Dato' Haji Muhammad bin Nasir dan sumbangannya kepada pendidikan Islam.
3. Sebagai sumbangan penulis dalam khazanah ilmu pengetahuan ; khususnya berhubung dengan apa yang diselidik.
4. Untuk menambahkan wawasan berfikir penulis terutama berhubung dengan masalah penyelidikan ilmiah.

F. Skop dan Perbatasan

Penyelidikan ini mempunyai skop dan perbatasan tertentu, antaranya :

1. Penyelidikan ini dibuat khusus mengenai Dato' Haji Muhammad bin Nasir.
2. Penyelidikan ini adalah khusus mengenai sumbangan beliau kepada pendidikan Islam secara formal dan informal.
3. Penyelidikan secara pengkhususan hanya melibatkan negeri Kelantan.

G. Metodologi Penyelidikan

Sebelum penulis paparkan metod-metod yang digunakan di dalam penyelidikan ini, terlebih dahulu perlu diketahui apakah yang dimaksudkan dengan metod ?

Metod berasal dari perkataan Inggeris, “method”. Ia bererti sistem, aturan, cara membuat sesuatu atau kaedah.³⁵

³⁵ Khalid M. Hussain, *Kamus Dwibahasa*, Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. XIII, 1999, hal. 781.

Metod yang berasal dari perkataan Inggeris itu digunakan di dalam Bahasa Melayu. Dalam penggunaan biasa, metod bererti kaedah, jalan, teknik, gaya, ragam, bentuk, corak, aturan, cara dan sistem.³⁶ Dengan itu, metod ialah cara atau jalan.³⁷

Penyelidikan pula bererti “tatacara yang teratur yang digunakan oleh manusia untuk menambah ilmu pengetahuan baru”.³⁸

Manakala maksud metod mengikut ilmu penyelidikan ilmiah ialah perkara yang menyangkut masalah cara kerja. Melalui cara kerja ini objek yang menjadi sasaran ilmu yang bersangkutan dapat difahami.³⁹

Menurut Prof. Imam Barnadib, maksud metod penyelidikan itu ialah ilmu tentang cara mengadakan penyelidikan.⁴⁰

Setelah disentuh pengertian metod penyelidikan, sekarang penulis mengemukakan bentuk penyelidikan dan metod-metod yang digunakan di dalam penyelidikan disertasi ini.

³⁶ Zainal Abidin, *op. cit.*, hal. 1161.

³⁷ Koentjaraningrat, *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, P T Gramedia, Jakarta, 1983, hal. 16.

³⁸ Prof. Ahmad Mahdzan Ayob, *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi Suatu Pengenalan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985, hal. 3.

³⁹ Koentjaraningrat, *lot. cit.*

⁴⁰ Imam Barnadib, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, Yogyakarta, 1982, hal. 51.

Dalam kajian ini penulis menggunakan dua bentuk penyelidikan utama iaitu Penyelidikan Perpustakaan (*Library Research*) dan Penyelidikan Lapangan (*Field Research*) bagi melengkapi Metod Pengumpulan Data dan Penafsiran Data.

Bagi melancarkan dan menjalankan penyelidikan ini, penulis telah menggunakan tiga metod, iaitu sebagaimana berikut :

1. Metod penentuan subjek.
2. Metod pengumpulan data.
3. Metod Analisis data.

1. Metod Penentuan Subjek

Dalam usaha melakukan penyelidikan ini, penulis telah menentukan subjek penyelidikan dengan memilih seorang tokoh di negeri Kelantan. Penulis memilih Dato' Haji Muhammad bin Nasir sebagai topik kepada perbincangan. Cara yang digunakan ialah dengan mengkaji riwayat hidup beliau, peranan yang dimainkan dan sumbangan yang diberikan di dalam pendidikan Islam.

2. Metod Pengumpulan Data

Dalam usaha mengumpulkan data, penulis menggabungkan beberapa metod, di mana data-data yang diperolehi diproses serta disusun untuk menjadikan kajian

ini lengkap. Antara metod yang digunakan oleh penulis dalam pengumpulan data ialah:

1. Metod Historis atau pensejarahan, iaitu dengan menggunakan dokumen-dokumen yang berbentuk sejarah bagi mendapatkan kenyataan sejarah.
2. Metod Observasi, iaitu metod pengamatan, penelitian dan membuat catatan terhadap faktor yang ada hubungannya dengan bahan yang dikaji.
3. Metod Dokumentasi, iaitu mengumpulkan segala petikan daripada buku-buku, majalah, akhbar dan kertas kerja serta seminar.
4. Metod Interviu, iaitu cara pengumpulan data yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan daripada seseorang dengan cara bercakap secara berhadapan muka atau langsung. Dengan informen, terdiri daripada ahli keluarga Dato' Haji Muhammad bin Nasir, sahabat beliau dan individu yang terlibat dengan kajian bagi mendapatkan maklumat.

3. Metod Analisis Data

Dalam penganalisaan data, penulis telah menggunakan tiga metod iaitu:

1. Metod Induktif, iaitu dengan mengemukakan perkara-perkara yang bersifat umum yang dirasakan perkara-perkara yang bersifat khusus.
2. Metod Deduktif, iaitu membuat kesimpulan yang didasarkan daripada kesimpulan yang bersifat khusus kepada membuat kesimpulan secara umum.
3. Metod Komparatif, iaitu membuat perbandingan di antara satu data yang lain untuk menghasilkan satu kesimpulan yang seimbang dan jelas. Secara

jelasnya, metod ini digunakan untuk membuat kesimpulan berdasarkan perbandingan segala data dan fakta yang diperolehi.

H. Sistematik Penulisan

Secara umumnya, penulisan ini disusun secara sistematik mengikut bahagian-bahagian yang tertentu. Oleh itu penulis telah membahagikan kepada lima bahagian yang dinamakan bab. Ini adalah untuk memudahkan kajian dan mengetahui sesuatu itu dengan lebih mendalam lagi.

Bab pertama adalah merupakan bab pendahuluan, di mana penulis telah memasukkan dalam bab ini latar belakang masalah yang merangkumi pengenalan ringkas mengenai tempat yang dijadikan subjek untuk kajian. Di sini, penulis menerangkan tentang sejarah negeri Kelantan dan geografinya. Dalam bab ini juga, penulis menghuraikan alasan memilih tajuk, pengertian tajuk, perumusan masalah, tujuan dan kepentingan penyelidikan, skop dan pembatasan, metodologi penyelidikan dan sistematik penulisan.

Dalam bab yang kedua pula, penulis membincarakan tentang erti pendidikan Islam, dasar pendidikan Islam, tujuan pendidikan Islam, isi pendidikan Islam, pusat pendidikan Islam serta sejarah dan pusat pendidikan Islam di Kelantan.

Manakala bab ketiga, penulis menghuraikan tentang Dato' Haji Muhammad bin Nasir, meliputi; sejarah hidup, pendidikan, kerjaya, politik dan aliran pemikiran.

Bab keempat pula adalah laporan penyelidikan dan analisis data, meliputi; sumbangan Dato' Haji Muhammad bin Nasir kepada pendidikan Islam secara menyeluruh, iaitu a. pendidikan formal dan b. pendidikan informal.

3

Bab kelima berhubung dengan penutup, meliputi; kesimpulan khusus dan umum, saranan-saranan dan kata penutup.

Bahagian akhir disertasi ini, penulis memuatkan daftar bibliografi dan lampiran-lampiran.